



## PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri - ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan / profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



### IJAZAH

### (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

#### » PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41 (JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)) Kekosongan : 25    Simpanan : 20

#### KELAYAKAN :

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### SYARAT BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia.

#### KEPERLUAN BIDANG :

Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### TAMBAHAN :

Hanya calon yang kelayakannya telah mendapat kelulusan senat/jawatankuasa berkaitan sebelum atau pada tarikh tutup iklan jawatan ini layak memohon.

Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui pautan <http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/ijazah/1113>

## » PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA29 (JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia))

Kekosongan : 43 Simpanan : 15

### KELAYAKAN :

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i) sijil dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
ii) diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### SYARAT BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia.

### KEPERLUAN BIDANG :

Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### TAMBAHAN :

Hanya calon yang kelayakannya telah mendapat kelulusan senat/jawatankuasa berkaitan sebelum atau pada tarikh tutup iklan jawatan ini layak memohon.

**Maklumat mengenai syarat lantikan/gaji/tugas-tugas jawatan di atas boleh diperolehi melalui pautan <http://www.spa.gov.my/web/guest/deskripsi-tugas/diploma2/2057>**

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian, sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku. Tarikh tutup untuk permohonan baharu adalah sebelum atau pada **03.02.2020 (Isnin) jam 11.59 malam.**

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA**  
**<http://www.spa.gov.my>**